

29 JUN 2000

Mahathir-Umno

SYARAT KEMASUKAN BEKAS ANGGOTA PEMBANGKANG DIPERKETATKAN, KATA DR M

SERDANG, 29 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata proses kemasukan bekas anggota parti pembangkang ke dalam Umno akan diperketatkan bagi memastikan hanya mereka yang benar-benar taat dan menerima prinsip perjuangan Umno diterima menyertainya.

Perdana Menteri berkata Umno tidak mahu berulangnya tragedi dengan ada orang yang menyertai parti itu semata-mata kerana mahu "mengejar kedudukan teratas" dan tidak mempunyai perasaan taat setia kepada Umno dan prinsip perjuangan parti itu.

"Kita perlu lebih berhati-hati sekarang terhadap jenis orang yang akan kita terima masuk dalam parti," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Universiti Tenaga Nasional, di sini.

Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, berkata demikian apabila ditanya sama ada Umno bersedia menerima bekas pemimpin dan anggota Parti Keadilan Nasional termasuk Naib Presiden parti itu, Marina Yusoff, yang keluar parti kerana tidak bersependapat dengan Timbalan Presiden Keadilan, Chandra Muzaffar, baru-baru ini.

Dr Mahathir berkata sebelum menerima bekas pemimpin dan anggota pembangkang ke dalam parti, Umno mahu tahu sebab-sebab mereka mahu menyertainya.

"Jika mereka mahu menyertai Umno kerana percaya kepada perjuangan dan prinsip Umno, kita akan menerimanya," kata beliau.

Ditanya mengenai isu pertelegahan Marina dan Chandra seperti yang dilaporkan oleh media, Dr Mahathir berkata sekarang jelas bahawa Chandra adalah seorang yang mengamalkan "kuku besi".

"Saya tidak hairan dan terkejut apa yang berlaku dalam parti Keadilan terutamanya Chandra yang mahu laksanakan kemahuannya di seluruh negara. Sekarang dia seorang pemimpin parti politik, dia berpeluang menunjukkan kebolehannya tetapi kini jelas dia suka kepada (cara) kuku besi.

"Dia tuduh orang diktator tetapi dia sendiri seorang diktator. Kini dia berpeluang untuk memimpin dan mahu tunjuk belang," kata beliau.

Ditanya tentang cadangan Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Aziz Nik Mat supaya diadakan restoran berasingan untuk orang Islam dan bukan Islam, Dr Mahathir berkata cara itu akan hanya memisahkan lagi rakyat.

"Ya, kami mempunyai restoran yang berasingan untuk orang Islam dan bukan Islam, saya rasa orang yang memakai ketayap putih perlu diasingkan daripada mereka yang bersongkok hitam... ini tidak akan menyatukan rakyat," kata beliau.

Nik Aziz membuat cadangan itu sebagai menyokong tindakan Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) yang menangkap 25 umat Islam di Restoran The Ship, Damansara minggu lepas.

Nik Aziz berkata di Kelantan, orang Islam dilarang memasuki restoran yang menghidangkan masakan babi atau minuman alkohol.

--BERNAMA

ARA ES NAK